

Alumni UMP Zon Utara Bertemu Perkukuh Hubungan

Pulau Pinang, 5 Mac – Hasil kejayaan program Alumni Outreach Roadshow yang dijalankan baru-baru ini di Kuantan, program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dengan kerjasama Persatuan Graduan Alumni UMP diteruskan ke Pulau Pinang sebagai destinasi kedua bagi usaha mengumpulkan alumni-alumni UMP memandangkan ianya merupakan lokasi tumpuan alumni.

Menurut alumni UMP, Norhaiza Ghazali yang merupakan pensyarah UMP berkata, kesempatan bertemu alumni ini memberi peluang kepada alumni berkongsi maklumat dan mengetahui perkembangan universiti.



“Di samping beramah beramah mesra mereka turut berpeluang mendapatkan maklumat berkaitan program kerjasama dengan Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) bagi memberi peluang kepada mana-mana alumni yang berminat untuk berkecimpung dalam dunia usahawan untuk mengembangkan kerjaya sebagai usahawan dengan memberi bantuan dan bimbingan dari segi pengurusan dan kewangan,” katanya.

Program *UMP-MTDC Symbiosis* yang diperkenalkan ini bakal mengumpulkan 30 orang alumni bagi menubuhkan sepuluh syarikat yang memasarkan hasil penyelidikan UMP dengan geran pengkomersilan berjumlah RM 1.2 juta.

Sementara itu, bagi alumni tahun 2008, Mohd Khairul b. Ya’kub yang telah mempunyai syarikat sendiri iaitu KY Global Sdn Bhd, peluang ini merupakan satu platform yang bagi mengembangkan perniagaannya di samping pertemuan dengan alumni dan wakil universiti membuka peluang untuk menyumbang kembali kepada universiti.



Begitu juga dengan alumni UMP, Law Kok Sin yang berkerjaya sebagai Penceramah Profesional di Mind Your Mind Sdn Bhd melihat pertemuan ini bukan sahaja sebagai sesi beramah mesra malahan memberi peluang untuknya mewujudkan dan melebarkan lagi jaringan perhubungan antara alumni dan universiti.

Majlis yang diadakan di Hotel Rainbow Paradise, Tanjung Bungah berjaya mengumpulkan lebih 20 orang alumni di Zon Utara menjadikan setakat ini seramai 100 alumni universiti berjaya dikumpul menerusi program ini. Turut diadakan taklimat berkaitan MyGift UMP bagi memberi peluang kepada alumni untuk menyalurkan sumbangan kewangan kepada universiti.

Program akan diteruskan di lain-lain zon termasuk Zon Selatan (Johor Bahru), Zon Sabah (Kota Kinabalu) dan Zon Tengah (Shah Alam) bagi mendapatkan sokongan dan usaha bagi mengumpulkan alumni UMP.

Berita dan gambar disediakan oleh Halizan Mohmood dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

